



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7961

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# **KENYATAAN MEDIA**

oleh  
**KETUA SETIAUSAHA**  
**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

## **PENCALONAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2014**

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan akan mula membuka pencalonan untuk penganugerahan **Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP) Bagi Tahun 2014** mulai **1 Julai 2013** hingga **30 September 2013**.

2. Semua permohonan pencalonan perlu didaftarkan secara *online* melalui [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my).
3. Pencalonan bagi Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan adalah **terbuka kepada individu** yang banyak berjasa membangun dan memajukan Wilayah Persekutuan.
4. Permohonan boleh dibuat dengan menggunakan borang-borang mengikut kategori pencalonan seperti berikut :

<b>Kategori Calon</b>	<b>Jenis Borang</b>
<b>Perkhidmatan Awam</b>	<b>A</b>
<b>Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun</b>	<b>B</b>
<b>Swasta/Persatuan/ Sukarela/ Sukan</b>	<b>C1/C2/C3/C4</b>
<b>Warganegara Asing</b>	<b>D</b>
<b>Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia</b>	<b>E</b>
<b>Perkhidmatan Polis DiRaja Malaysia</b>	<b>F</b>
<b>Pertubuhan Politik</b>	<b>G</b>

5. Penganugerahan **Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP)** Bagi Tahun 2014 akan disempurnakan pada tanggal 1 Februari 2014 sempena dengan **Sambutan Hari Wilayah Persekutuan**.

6. Perlu dijelaskan bahawa **semua permohonan pencalonan hendaklah mematuhi kriteria dan syarat-syarat yang ditetapkan**. Calon-calon yang dipilih sebagai penerima bagi tahun 2014 akan diberitahu pada awal bulan Januari 2014 untuk dijemput hadir ke **Majlis Istiadat Penganugerahan DKBPWP**.

7. Sebarang pertanyaan untuk maklumat lanjut mengenai pencalonan anugerah DKBPWP boleh berhubung terus kepada:


**Ketua Setiausaha  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
Urus setia Jawatankuasa  
Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah  
Persekutuan  
Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah  
Presint 2,  
62100 PUTRAJAYA**

**Tel: 03-8889 7888/7967/7945/7815/7870/7871/7979  
Faks: 03-8889 7961**

**E-mel: [dkbpwp@kwp.gov.my](mailto:dkbpwp@kwp.gov.my)**

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**DATO' ADNAN BIN HAJI MD. IKSHAN**

25 Jun 2013  
PUTRAJAYA